

**Parlimen: Jangan Desak SPR - Nazri  
Bernama  
5 April, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak seharusnya didesak, sebaliknya diberikan ruang dan masa untuk meneliti kesemua syor Jawatankuasa Pilihan Khas Penambahbaikan Pilihan Raya (PSC) sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata justeru semua pihak termasuk pembangkang diingatkan agar tidak memaksa SPR dan kerajaan untuk melaksanakan syor PSC sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 akan datang.

"SPR sentiasa mengambil baik semua syor yang dikemukakan justeru terpulang pada SPR untuk mengambil tindakan terhadap laporan yang telah dibentangkan.

"PSC baru sahaja dua hari diluluskan makanya semua pihak perlu bersabar kerana apa yang SPR rasa mereka boleh laksanakan, mereka tentu akan terus melaksanakan dengan segera," katanya di Dewan Rakyat di sini Khamis.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) yang bertanyakan mengenai maklum balas SPR dan kerajaan berhubung syor PSC itu pada sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2011) 2012 berkaitan JPM.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657349>